



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2019

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA Proses Kerja Penetapan dan Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja penetapan dan pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi setiap negeri untuk memastikan keseimbangan kadar pengusahahasilan dengan keluasan hutan pengeluaran dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Proses pengiraan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) perlu dikaji semula kerana kawasan pengusahahasilan di semua negeri mengamalkan Sistem Pengurusan Memilih [*Selective Management System (SMS)*] dan tidak lagi mengamalkan Sistem Sebaya Malaya [*Malayan Uniform System (MUS)*]. Di samping itu, pengiraan CTT yang lama tidak mengambil kira kawasan Hutan Perlindungan dalam Hutan Pengeluaran dan perlu dibuat kajian semula.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Prosedur ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) untuk menetapkan dan memantau CTT bagi hutan darat asli dan hutan paya gambut dalam HSK di negeri-negeri berkenaan.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan [PKB

(UH)]/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti Proses Penetapan dan Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) juga perlu mematuhi arahan kerja ini.

- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunapakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja Proses Penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) ini melibatkan pelbagai lapisan personel. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Mengarahkan PPN menyediakan cadangan CTT bagi negeri masing-masing untuk suatu tempoh Rancangan Malaysia yang ditetapkan.	KPPSM
5.3.2	Mengumpul maklumat sumber hutan dan menyediakan cadangan CTT negeri seperti di Lampiran A.	TPPN/PPPN
5.3.3	Menyemak maklumat sumber hutan dan kiraan cadangan CTT negeri.	PPN
	5.3.3.1 Jika maklumat sumber hutan dan kiraan cadangan CTT negeri tidak betul, membetulkan maklumat dan kiraan tersebut dan ulangi dari para 5.3.3.	TPPN/PPPN
	5.3.3.2 Jika maklumat sumber hutan dan kiraan cadangan CTT didapati betul, mengemukakan kepada KPPSM.	PPN
5.3.4	Mengumpul maklumat sumber hutan dan kiraan cadangan CTT bagi negeri-negeri dan menyediakan kertas cadangan CTT untuk Semenanjung Malaysia.	PKB(UH)
5.3.5	Menyemak kertas cadangan CTT untuk Semenanjung Malaysia.	TKP(DP)/TKP(OT)
	5.3.5.1 Jika kertas cadangan CTT tidak lengkap, melengkapkan kertas tersebut dan ulangi dari para 5.3.5.	PKB(UH)
	5.3.5.2 Jika kertas cadangan CTT didapati lengkap, mengemukakan kertas kerja tersebut kepada KATS untuk dibentangkan dalam persidangan MTN.	KPPSM
5.3.6	Menerima keputusan MTN melalui KATS dan mengedarkannya kepada negeri-negeri.	KPPSM
5.3.7	Menerima keputusan MTN dan melaksanakan CTT di negeri.	PPN

5.4 Carta aliran Proses Penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) adalah seperti di **Lampiran 1**.

5.5 Pelaksanaan arahan Proses Kerja Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan ini melibatkan pelbagai lapisan personel. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.5.1	Mengumpul maklumat mengenai lesen pengusaha hasilan hutan yang dikeluarkan dalam HSK di bawah CTT.	TPPN/PPPN
5.5.2	Mengemukakan maklumat mengenai lesen pengusaha hasilan hutan yang dikeluarkan dalam HSK di bawah CTT bagi setiap suku tahun kepada KPPSM.	PPN
5.5.3	Mengumpul maklumat mengenai lesen pengusaha hasilan hutan yang dikeluarkan dalam HSK di bawah CTT setiap negeri bagi setiap suku tahun berasaskan maklumat yang dikemukakan oleh PPN.	KS(UHD)
5.5.4	Membentangkan maklumat mengenai lesen pengusaha hasilan hutan yang dikeluarkan dalam HSK di bawah CTT setiap negeri bagi suku tahun/tahunan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Operasi Hutan (JKPOH).	PKB(UH)
5.5.5	Membuat penyesuaian ke atas keluasan kawasan untuk pengeluaran lesen pengusaha hasilan hutan bagi tempoh Rancangan Malaysia berkenaan supaya tidak melebihi jumlah CTT yang ditetapkan bagi tempoh tersebut.	PPN
5.5.6	Memaklumkan kepada KPPSM penyesuaian keluasan kawasan untuk pengeluaran lesen pengusaha hasilan hutan di bawah CTT bagi baki tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia berkenaan.	PPN

5.6 Carta aliran Proses Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) adalah seperti di **Lampiran 2**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) adalah seperti di **Lampiran 3**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

- 8.1 Tidak berkaitan

10.0 RUJUKAN

- 9.1 Panduan Penentuan Catuan Tebangan Tahunan Hutan bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia (Pengemaskinian 1) 2004.
- 9.2 Manual Perhutanan Jilid III.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD)


Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 25 MAC 2019

Carta Aliran Proses Kerja Penetapan Catuan Tebangan Tahunan



Sambungan Lampiran 1




Mengemuka kertas cadangan CTT untuk Semenanjung Malaysia kepada KATS untuk dibentang dalam persidangan MTN

Menerima keputusan MTN melalui KATS dan mengedarkannya kepada negeri-negeri

Menerima keputusan MTN dan melaksana CTT di negeri

Carta Aliran Proses Kerja Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan



Lampiran A

BIL	A. MAKLUMAT HUTAN	KELUASAN
1	Luas hutan simpanan kekal dan cadangan hutan simpanan kekal	
2	Hutan perlindungan	
3	Hutan pengeluaran	
3.1	Ladang hutan	
3.2	Hutan paya laut (hutan pengeluaran)	
3.3	Kawasan tidak berhutan	
3.4	Hutan pengeluaran sebenar	
	B. KIRAAN CATUAN TEBANGAN TAHUNAN (TEORI)	
1	Sistem Pengurusan Memilih (SMS) Giliran Tebangan 30 Tahun Hutan Darat Dara Baik Hutan Terpulih (Dibalak >30 Tahun/ <1980) Hutan Dibalak (Dibalak 1-30 Tahun)	
2	Sistem Pengurusan Memilih (SMS) Giliran Tebangan 55 Tahun Hutan Darat Sederhana dan Miskin Hutan Paya Gambut Asal Hutan Terpulih (Dibalak >30 Tahun/ <1980)	
3	Catuan Tebangan Tahunan Teori SMS (giliran tebangan 30 tahun) (Jumlah 1/30 tahun) SMS (giliran tebangan 55 tahun) (Jumlah 2/55 tahun) Jumlah CTT teori	
	C. CATUAN TEBANGAN TAHUNAN SEBENAR Anggaran luas dibalak tahun &	
1	Sistem Pengurusan Memilih (SMS) Giliran tebangan 30 tahun Jumlah kawasan SMS 30 Tahun Baki kawasan setelah ditolak <i>safety margine</i> 10%	
2	Sistem Pengurusan Memilih (SMS) Giliran tebangan 55 tahun	

	Hutan dibalok matang semasa tempoh RMK (dibalok 1981-1985) Kawasan belum matang Baki kawasan SMS (55 Tahun) Baki kawasan setelah ditolak safety margine 10%	
3	Catuan Tebangan Tahunan (sebenar) SMS (giliran tebangan 30 tahun) SMS (giliran tebangan 55 tahun)	
Jumlah CTT		

TERMINOLOGI

- Hasil Hutan - Hasil Hutan termasuklah:
- (i) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK:
 - (a) guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan.
 - (ii) Apabila di jumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK atau tanah kerajaan:
 - (a) pokok-pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;
 - (b) tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, tumbuhan menjalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian; dan
 - (c) sutera, kokun, madu/lilin dan sarang burung boleh makan.
 - (iii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK, tanah kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah bermilik:
 - (a) kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap.
- Hutan Simpanan Kekal - Menurut seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313], Hutan Simpanan Kekal ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.

SINGKATAN

CTT	-	Catuan Tebangan Tahunan
HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
KPPSM	-	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
KS(UHD)	-	Ketua Seksyen Pengurusan Hutan Darat
MTN	-	Majlis Tanah Negara
KATS	-	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	-	Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PSP	-	Pembantu Setiausaha Pejabat
PT	-	Pembantu Tadbir
PKB(UH)	-	Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan
SP	-	Setiausaha Pejabat
TKP(DP)	-	Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan)
TKP(OT)	-	Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal)
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri